

29/06/2003

Melayu jangan rasuah (HL)

Ziauddin Sharuddin

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat negara ini terutama orang Melayu akan bahaya mengamalkan rasuah kerana jika tidak berwaspada, negara mungkin jatuh ke tangan perasuah paling teruk.

Amalan buruk itu sepatutnya dihindari seperti racun, tetapi malangnya, masih ramai rakyat termasuk orang Melayu melihat rasuah sebagai jalan mudah untuk meraih kekayaan, katanya.

"Menolak rasuah perlu disematkan lebih awal dan pada setiap masa dalam minda semua rakyat Malaysia, terutama di kalangan generasi muda,"

katanya

pada majlis Anugerah Integriti Negara, Ketelusan Antarabangsa Malaysia di

Hotel Istana di sini, malam tadi.

Majlis itu adalah anjuran Persatuan Ketelusan dan Integriti Kuala Lumpur. Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah

Ali, Ketua Pengarang Kumpulan NSTP, Tan Sri Abdullah Ahmad dan Presiden Ketelusan Antarabangsa Malaysia, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim.

Pada majlis itu, bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr Ismail Abdul Rahman; bekas Menteri Kewangan, Tun Tan Siew Sin dan bekas Gabenor Bank Negara, Tun Ismail Ali, menerima anugerah.

Anak Tun Dr Ismail, Mohd Tawfik menerima anugerah itu bagi pihak bapanya, Tan oleh anaknya, Tan Siok Choo manakala Tun Ismail oleh anaknya,

Kamal dan Iskander.

Dr Mahathir berkata, rasuah tidak boleh dilawan hanya menggunakan undang-undang atau hukuman dan senjata paling berkesan melawan rasuah adalah dengan disiplin dan nilai murni.

Beliau juga mengingatkan rakyat supaya belajar daripada sejarah dan perlu sentiasa diingatkan bagaimana kemerdekaan hilang, malah hampir hilang sepenuhnya apabila Perjanjian McMichael ditandatangani kerana pada

masa depan, jalan penyelesaian mungkin tidak lagi begitu mudah.

Perdana Menteri juga menolak tanggapan sesetengah pihak bahawa hanya 'jerung' yang perlu dikenakan tindakan, manakala pihak yang melakukan rasuah secara kecil-kecilan tidak penting.

Katanya, budaya rasuah bermula secara kecil-kecilan kerana golongan ini

tidak akan kekal dengan rasuah begini dan sebaliknya melakukan rasuah lebih besar selepas perbuatan awal mereka tidak dipedulikan.

Apabila rasuah di kalangan 'bilis' boleh diterima, ini akan menggalakkan

'jerung' dan apabila ini berlaku, keseluruhan rakyat akan menerimanya sebagai amalan. Ia akan menjadi budaya dan budaya manusia adalah paling sukar diubah," katanya.

Dr Mahathir berkata, ini sejajar dengan budaya rasuah yang boleh dibahagikan kepada dua peringkat, iaitu rasuah pada peringkat pertama yang

dianggap oleh masyarakat sebagai salah.

Katanya, walaupun ada kekurangan dari segi integriti pada peringkat ini,

tetapi amalan rasuah dilakukan secara bersembunyi.

Beliau berkata, jika tidak diawasi, rasuah menuju ke peringkat kedua, iaitu rasuah menjadi sebahagian cara hidup masyarakat dan mana-mana pemimpin yang cuba menghentikannya akan ditentang, termasuk rakan rapat dan anggota keluarganya sendiri.

Bagaimanapun Perdana Menteri berkata, Malaysia bernasib baik kerana amalan rasuah tidak sampai ke peringkat kedua, malah beliau juga yakin Malaysia boleh tergolong antara negara yang berada dalam senarai atas Indeks Persepsi Rasuah Tranparensi Antarabangsa.

"Kita sedang menuju ke arah itu hasil sokongan masyarakat yang Badan Pencegah Rasuah nikmati sekarang dan juga melalui pelbagai tindakan meluas pencegahan rasuah," katanya.